



Seminar 5 Bandar Memenuhi Kehendak Penanam Sawit di Sarawak dan Sabah – Datuk Peter Chin Fah Kui



Datuk Anifah Aman, Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Senator Datuk Dr S Vijayarajnam, Setiausaha Parlimen dan Dato' Dr Mohd Basri Wahid Ketua Pengarah MPOB bergambar bersama penerima kupon Skim Bantuan Anak Benih Berkualiti sempena Majlis Penutup Seminar 5 Bandar di Miri.

KANDUNGAN

- Seminar 5 Bandar Memenuhi Kehendak Penanam Sawit di Sarawak dan Sabah – Datuk Peter Chin Fah Kui 1
- Dari Meja Ketua Penyunting 2
- Sudut Teknologi - Integrasi Kambing Pedaging dengan Sawit 4
- Kuiz Sawit 7
- Kenalilah... MPOB OPENS 8
- Sedutan Akhbar 9
- Sudut Kreatif Sawit/ Sembang Sawit 10
- Tahukah Anda? 11
- Berita Bergambar 12
- Diari & Peristiwa 15
- Profil Komoditi 16
- Peladang Jaya 18
- Direktori MPOB 20

“Seminar 5 Bandar yang diadakan di negeri Sarawak dan Sabah adalah untuk memenuhi kehendak penanam sawit di negeri ini”, demikian dinyatakan oleh Datuk Peter Chin Fah Kui, Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi Malaysia di majlis penutup Seminar 5 Bandar 2007 yang berlangsung pada 7 Ogos 2007, di Hotel Imperial, Miri, Sarawak. Majlis penutupan rasmi seminar telah disempurnakan oleh Datuk Anifah Aman, Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi Malaysia yang mewakili Datuk Peter Chin Fah Kui, Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi Malaysia.

Seminar 5 Bandar yang diadakan di Miri adalah sebahagian dari program Minggu Sawit Sarawak telah dihadiri oleh 508 peserta terdiri daripada pekebun kecil dan industri. Sebanyak tiga kertas kerja telah dibentangkan pada sebelah pagi yang merangkumi tajuk *Pembukaan Ladang dan Pengurusan Benih Berkualiti, Pembajaan Berdasarkan Kesesuaian Tanah dan Persekitaran, dan Penggredan Buah Tandan Segar*. Manakala pada sebelah petang, diadakan demonstrasi ladang di Greenwood Estet Sdn Bhd berkaitan dengan penanaman anak benih sawit, pembajaan, penuaian buah tandan segar dan pemangkasan.

bersambung ke muka surat 2



Sidang Pengarang

PENASIHAT

Dato' Dr Mohd Basri bin Wahid

PENGERUSI

Dr Salmiah bt Ahmad

TIMBALAN PENGERUSI

Dr Ahmad Kushairi bin Din

KETUA PENYUNTING

Hj Suboh bin Ismail

PENYUNTING

Dr Norman bin Kamarudin
Dr Ahmad Tarmizi bin Hashim

Hj Esnan bin Ab Ghani

Hj Idris bin Omar

Hj Zulkifli bin Abd Manaf

Hj Mohd Azmi bin K Ismail

Mazlan bin Mustaffa

Mohd Saufi bin Awang

Ab Aziz bin Md Yusof

SETIAUSAHA

Nur Hanani bt Mansor

sambungan dari muka surat 1

Seminar yang dianjurkan bersama oleh MPOB dan Persatuan Penanam-Penanam Malaysia Timur (EMPA) bertujuan untuk menyebarkan maklumat terkini penanaman sawit kepada pengusaha ladang dan pekebun kecil di negeri Sarawak dan Sabah. Sebelum ini, Seminar 5 Bandar telah diadakan di Beluran, Tawau dan Lahad Datu di Sabah, serta Bintulu dan Miri di Sarawak. Seminar ini membolehkan penanam sawit di Sarawak dan Sabah memperoleh teknologi terkini kerana ramai penanam sawit mengatakan kebanyakan seminar anjuran MPOB diadakan di Semenanjung.

Menyentuh mengenai tema seminar, *Memaksimumkan Produktiviti Sawit*, Datuk Anifah Aman menyatakan pentingnya penanam sawit mengamalkan teknologi secara keseluruhan dalam penanaman sawit termasuk penggunaan bahan tanaman bermutu, amalan agronomi yang terkini, teknik kawalan penyakit dan perosak yang berkesan, mekanisasi ladang dan kecekapan penuaian bagi mencapai pengeluaran hasil ladang yang tinggi dalam merealisasikan visi 35:25 menjelang tahun 2020. Ini sejajar dengan hasrat

bersambung ke muka surat 3



DARI MEJA KETUA PENYUNTING

Pada 31 Ogos 2007, kita menyambut ulang tahun kemerdekaan Malaysia yang ke-50. Dalam usia 50 tahun merdeka, sejarah penanaman sawit di Malaysia yang bermula sejak tahun 1917 sudah hampir 90 tahun bertapak di bumi bertuah ini. Industri sawit negara telah menunjukkan peningkatan yang menggalakkan dari setahun ke setahun khususnya selepas Malaysia mencapai kemerdekaan pada 1957. Pada tahun 1960-an, pembangunan tanah oleh agensi kerajaan dan kerajaan negeri untuk tanam sawit telah meningkatkan keluasan tanaman ini dengan ketara. Dalam masa yang sama, pekebun kecil persendirian telah mula berminat menanam sawit.

Peningkatan penanaman sawit yang meluas telah membawa pembangunan yang pesat dan menjadi tunjang ekonomi di kawasan luar bandar. Jumlah pendapatan dan penduduk yang bergantung hidup pada industri sawit telah menjadikan industri ini penyumbang besar kepada kestabilan politik dan sosio-ekonomi. Industri makanan berasaskan minyak sawit telah juga mengalami perkembangan pesat sejak tiga dekad yang lalu. Kawasan tanaman sawit telah meningkat dari satu juta hektar tahun 1980 kepada 2 juta hektar pada tahun 1990. Kini, kawasan tanaman sawit telah berada pada keluasan 4.16 juta hektar. Dengan menanam bahan tanaman yang bermutu dan mempraktikkan teknologi serta amalan pengurusan ladang yang baik, industri sawit di Malaysia adalah yang terunggul di dunia.

Seiring dengan matlamat kerajaan untuk memajukan lagi sektor pertanian, Dato' Seri Abdullah Hj Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia telah meluluskan peruntukan yang besar untuk sektor ini dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9). Banyak program dan insentif telah diadakan untuk meningkatkan pendapatan bagi pekebun kecil termasuk pekebun kecil sawit. Dengan teknologi moden dan insentif yang disediakan, sektor pertanian akan menjadi lebih maju dan kemiskinan pekebun kecil dapat diatasi. Selama 50 tahun Malaysia merdeka, tiga Dasar Pertanian Negara telah digubal dalam usaha memastikan sektor pertanian dapat bertindak sebagai enjin ketiga pertumbuhan ekonomi negara di samping sektor perkhidmatan dan pembuatan.

Perjuangan untuk merealisasikan Visi 35:25 iaitu peningkatan hasil buah tandan segar sebanyak 35 t/ha/thn dengan perahan minyak 25% akan membantu menjadikan negara kita sebuah negara maju menjelang tahun 2020. Ini semua bermula dengan komitmen yang tinggi daripada setiap individu yang terlibat dengan industri sawit termasuklah pekebun kecil. Sebagai rakyat, adalah menjadi tanggungjawab kita untuk menterjemahkan pengorbanan para pejuang dengan pengisian erti kemerdekaan sebenarnya. Kita mestilah merdeka dalam semua aspek termasuklah aspek minda,

bersambung ke muka surat 3

sambungan dari muka surat 2

rohani, jasmani dan ekonomi. Dari sudut ekonomi, kita mesti sentiasa berusaha supaya hasil sawit kita sentiasa pada tahap yang maksimum dan mendapat pulangan yang lumayan.

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) berharap semua pekebun kecil dapat menjadi individu yang bertanggungjawab dan memainkan peranan menjadikan pengeluaran sawit negara terus berdaya saing. Semoga kita semua dapat menghayati erti kemerdekaan dan bersyukur atas nikmat yang telah diberikan oleh Allah SWT. Sebagai anak Malaysia, kita seharusnya bangga dengan pembangunan, kekayaan dan kemakmuran yang kita peroleh selama ini.

Suboh bin Ismail (suboh@mpob.gov.my)

sambungan dari muka surat 2

kerajaan untuk membangunkan sektor pertanian negara yang dinamik sebagai penjana pertumbuhan ekonomi negara ketiga.

Seterusnya, Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menggesa sektor ladang dan pekebun kecil memanfaatkan kemajuan teknologi yang dihasilkan oleh MPOB untuk meningkatkan kecekapan pengurusan tanaman sawit di kawasan gambut dan memaksimumkan produktiviti hasil ladang sawit. Tumpuan utama penyelidikan dan pembangunan tanah gambut di Stesen Penyelidikan MPOB Sessang adalah untuk pengeluaran bahan tanaman sawit (program biak baka) di samping kajian agronomi seperti pembajaan sedang dijalankan bagi cadangan lengkap mengikut kesesuaian tanah dan cuaca di Sarawak.

Tambah beliau lagi, "kerajaan sedia maklum bagi mencapai produktiviti tinggi, pekebun kecil memerlukan pengetahuan, kemahiran dan input yang mencukupi. Oleh itu, kementerian melalui MPOB telah mengambil inisiatif menubuhkan Pusat Tunjuk Ajar Sawit dan Nasihat atau TUNAS bagi memberi khidmat nasihat teknikal kepada pekebun kecil". Beliau berharap pegawai TUNAS dan pekebun kecil akan menjalin kerjasama yang baik supaya pemindahan teknologi berjalan lancar. Pekebun kecil juga harus bersikap terbuka dan bersedia menerima pakai teknologi baru serta mahu berubah dari amalan pertanian tradisional kepada pertanian moden.

Bagi membantu pekebun kecil terutama yang kurang mampu, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM 54.9 juta di bawah Program Meningkatkan Pendapatan Pekebun Kecil Sawit. Dari jumlah tersebut, RM 25 juta untuk Skim Bantuan Anak Benih Sawit Berkualiti dan



Tetamu kehormat yang hadir sempena Majlis Penutup Seminar 5 Bandar 2007 dan Penyampaian Skim Bantuan Anak Benih Sawit Berkualiti pada 7 Ogos 2007 di Hotel Imperial, Miri, Sarawak.

RM 29.5 juta untuk Skim Insentif Sistem Tanaman Dua Baris, dan Skim Integrasi Tanaman dan Ternakan dengan Sawit. Melalui pelaksanaan projek di bawah RMK-9, pekebun kecil akan dapat memulakan penanaman sawit atau menanam semula sawit melalui bantuan anak benih, mengeluarkan bahan makan atau daging melalui projek integrasi untuk menambah pendapatan. Dua puluh lima pekebun kecil di sekitar Miri telah menerima kupon berkenaan di bawah Skim Bantuan Anak Benih Sawit Berkualiti daripada Datuk Anifah Aman.

Dalam majlis yang sama juga, Datuk Anifah Aman telah menyarankan supaya semua pekebun kecil bercita-cita menyertai Kelab 30 Tan. Untuk menyertai kelab ini, pekebun kecil mesti mencapai hasil BTS 30 t/ha/thn. Enam ahli Kelab 30 Tan negeri Sarawak telah hadir di majlis tersebut dengan memakai lencana dan kemeja-T Kelab 30 Tan. Ahli Kelab 30 bukan sahaja memperoleh pendapatan yang lumayan tetapi juga mendapat insentif keahlian seperti menyertai aktiviti anjuran MPOB dengan percuma dan mendapat diskaun apabila membeli produk keluaran CCM Sdn Bhd yang telah menjalin memorandum persefahaman dengan MPOB.

Menyentuh mengenai industri sawit di negeri Sarawak, sehingga akhir tahun 2006, sebahagian besar tanaman sawit adalah peringkat matang. Bahagian Miri mencatatkan keluasan tanaman sawit tertinggi iaitu sebanyak 181 556 ha. Sarawak dijangka akan menanam sawit 100 000 ha/thn bagi tempoh tiga tahun akan datang pada matlamat kerajaan negeri untuk mencapai keluasan satu juta hektar tanaman sawit menjelang tahun 2010 akan dapat dicapai.



Sumbangan: Roslan bin Arshad (roslan@mpob.gov.my) dan Idris Omar (idriso@mpob.gov.my).

SUDUT TEKNOLOGI

INTEGRASI KAMBING PEDAGING DENGAN SAWIT

Hanya 5% saja bekalan daging kambing negara dihasilkan melalui sistem integrasi bersama sawit. Yang lain dihasilkan menerusi sistem tradisi (lepas bebas). Berdasarkan unjuran yang dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Haiwan, pada tahun 2005 anggaran kapasiti pengeluaran daging kambing tempatan hanya dapat menampung 8.9% dari jumlah keperluan daging kambing negara. Ini bermakna potensi pasaran tempatan amat menggalakkan.

Baka kambing yang sering ditenak secara integrasi dan menunjukkan prestasi yang baik adalah kacukan Boer dan kacukan Jamnapari. Kedua-dua baka ini mempunyai berat badan yang lebih tinggi berbanding baka tempatan (Katjang). Berat purata bagi jantan di antara 50-70 kg manakala betina di antara 40-60 kg. Baka ini telah lama diperkenalkan di Malaysia dan dapat menyesuaikan diri dengan baik.

Kaedah Menternak

Penternakan kambing pedaging secara integrasi boleh dijalankan melalui dua sistem iaitu sistem berkurung (intensif) dan sistem separuh berkurung (separa-intensif).

Sistem berkurung (intensif)

Sistem ini memerlukan perumahan yang sempurna dan dibina di tengah kawasan ragutan yang ditetapkan. Kambing akan ditempatkan sepanjang masa di dalam kandang. Makanan terdiri dari formulasi pelepah sawit, rumput yang dipotong dan palet komersial. Minuman dan bongkah mineral dipastikan mencukupi sepanjang masa.

Sistem penternakan seumpama ini boleh dijalankan sebelum sawit matang. Sistem ini juga sesuai bagi penternak yang menjalankan aktiviti penggemukan anak jantan bagi tujuan sembelihan. Saiz penternakan sistem ibu dan anak bergantung pada bekalan rumput atau hasil

sampingan pertanian yang boleh dimanfaatkan. Oleh kerana kambing sentiasa berada di dalam kandang, kemungkinan jangkitan penyakit adalah tinggi. Oleh yang demikian, kandang hendaklah sentiasa bersih dan kering.

Sistem separuh berkurung (separa-intensif)

Pemeliharaan kambing secara sistem ini dilakukan dengan melepaskan kambing pada siang hari dan dikurung di dalam kandang pada waktu malam atau ketika cuaca buruk. Sistem ini juga memberi kebebasan kepada kambing meragut rumput dan herba yang baik. Pemeriksaan terhadap penyakit perlu dijalankan ketika kambing ini masuk semula ke kandang pada petang hari. Ini bagi memberi rawatan segera terhadap kecederaan yang mungkin berlaku.

Plot ragutan yang telah ditetapkan berdasarkan jumlah ternakan yang meragut perlu dilingkungi oleh pagar elektrik mudah alih. Kawasan sawit seluas 10 ha dapat menempatkan 50 induk betina dan tiga penjantan melalui pergiliran ragutan yang dijalankan setiap hari. Apabila ragutan telah mencapai tahap optimum (10 cm) ternakan perlu dipindahkan ke plot seterusnya.

Pengurusan Ternakan

Pengurusan anak (lahir hingga lima bulan)

- Anak kambing hendaklah diberi susu permulaan atau kolostrum dalam tempoh 6 jam selepas dilahirkan. Kebiasaannya anak kambing ini dapat menghisap susu dengan sendiri. Walau bagaimanapun, jika ia gagal, susu awal ini hendaklah diperah dari ibu tersebut dan diberikan melalui botol susu. Ini kerana pengambilan susu awal ini penting bagi membolehkan anak yang baru dilahirkan memperoleh banyak zat penting dan antibodi yang boleh membantu anak kambing melawan penyakit. Susu awal ini juga membantu merangsang sistem pencernaan anak kambing agar mula berfungsi.
- Pusat anak kambing yang baru dilahirkan juga perlu disembur dengan iodin bagi mengelakkan jangkitan kuman yang terdapat secara semula jadi di persekitaran kandang. Pemantauan yang berterusan dan rawatan segera penting kerana jangkitan yang berlaku jika berlarutan boleh membawa maut.

bersambung ke muka surat 5

sambungan dari muka surat 4

Selepas cerai susu hingga dewasa

Anak kambing yang telah cerai susu perlu diasingkan ketika berada di dalam kandang. Walau bagaimanapun, bagi memudahkan pengurusan ragutan (separuh-intensif) ia akan dibiarkan meragut dalam kawasan yang sama dengan kumpulan induk yang lain. Bongkah mineral hendaklah sentiasa disediakan dalam kandang anak yang telah diceraikan susu. Ia bagi mengurangkan tekanan yang dialami dalam proses ini.

Pengurusan kambing dewasa

Kambing dewasa yang perlu untuk pengurusan khusus adalah ibu yang bunting hingga ia melahirkan anak dan baka pejantan. Selain itu,

pengurusan adalah seperti yang diterangkan secara umum tadi.

i. Ibu bunting dan selepas kelahiran

Ibu yang sarat dan baru melahirkan anak perlu diasingkan dari induk yang lain. Ini untuk mengelakkan anak yang baru lahir dipijak oleh kambing dewasa atau terjangkit penyakit yang dibawa oleh kambing dewasa (*Jadual 1*). Ibu bunting memerlukan pengurusan rapi sebulan atau dua minggu sebelum dan selepas beranak, makanan yang bermutu dan bongkah mineral/vitamin hendaklah disediakan dalam kandang tersebut. Ini untuk menentukan kesihatan ibu dan anak dalam keadaan baik.

ii. Baka jantan

Baka jantan biasanya dikandangkan berasingan daripada betina. Ia dicampurkan

JADUAL 1. PENYAKIT UTAMA KAMBING

Penyakit	Tanda
Puru (<i>Contagious Ecthyma</i>) Disebabkan jangkitan virus	Kambing kurus kerana sukar untuk makan. Gelembungan berair di kawasan mulut, gusi dan lidah. Apabila pecah ia membentuk keruping atau berdarah.
Kembung Pengumpulan gas berlebihan dalam perut contohnya disebabkan terlalu banyak rumput kekacang.	Mengeluarkan air liur berlebihan. Kembung bahagian kiri perut (<i>abdomen</i>). Sukar bernafas. Kambing tidak tenteram.
Radang paru-paru Batuk berlarutan disebabkan jangkitan bakteria berpunca dari tekanan seperti cuaca sejuk dan kurang pengudaraan.	Batuk, lemah dan mengasingkan diri. Bernafas dengan cepat.
Ceret-beret Disebabkan kecacingan, jangkitan bakteria dan keracunan makanan.	Najis cair di bahagian ekor dan kawasan sekitar dubur. Najis berbau sangat busuk.
Luka Disebabkan objek tajam dan jika ia dibiarkan akan berulat.	Kelihatan luka atau kambing tidak dapat berjalan dengan baik.
Penyakit kulit Disebabkan parasit luar atau kulat.	Keguguran bulu dan keruping berair. Ternakan kerap menggaru.
Jangkitan kuku Disebabkan lantai kandang sentiasa lembap.	Kambing tempang. Celah kuku berbau busuk dan membengkak.

sambungan dari muka surat 5

hanya bila hendak dibiakkan. Setiap ekor jantan bolehlah digunakan untuk 15 hingga 20 ekor betina. Sebaik-baiknya penjantan yang berumur dua tahun digunakan untuk tujuan pembiakan dan perlu ditukar setiap tiga tahun bagi mengelakkan *in-breeding*.

Penternak yang mendapati ternakan mereka menunjukkan tanda-tanda seperti di *Jadual 1* dicadangkan menghubungi pegawai Jabatan Perkhidmatan Haiwan terdekat bagi mendapatkan rawatan segera.

Kebaikan

Kebaikan yang diperoleh dengan menjalankan ternakan kambing pedaging secara integrasi

dengan sawit adalah seperti berikut: kambing akan bertindak sebagai perumpai biologi yang mengurangkan keperluan buruh untuk merumpai. Ini menjimatkan kos merumpai sebanyak 80% dan menambahkan pendapatan penternak. Di samping itu, integrasi secara separuh-intensif akan menyuburkan tanah melalui tinja dan kencing yang dihasilkan oleh ternakan.

Kesimpulan

Penternakan kambing secara integrasi mempunyai masa depan yang cerah di Malaysia. Di samping menambah pendapatan, ia juga dapat meningkatkan produktiviti penanam sawit di negara ini. Pengurusan ternakan yang baik penting bagi memastikan sesuatu projek integrasi kambing pedaging terus berjaya.



Rajah 1. Pagar elektrik mudah alih digunakan bagi mengawal ternakan.



Rajah 2. Contoh kandang kambing lantai atas.

bersambung ke muka surat 7

sambungan dari muka surat 6



Rajah 3. Anak-anak kambing Boer yang sihat.



Rajah 4. Pastura terpilih yang ditanam (rumpit Guinea).



Sumbangan: Kamil Azmi bin Tohiran
(kamil@mpob.gov.my)

????????? Kuiz Sawit ??????????

1. Berikan empat faedah penggunaan tandan buah kosong sebagai bahan sungkupan.
2. Di manakah kawasan peletakan tandan buah kosong bagi pokok muda dan matang?
3. Nyatakan dua bentuk asal tandan buah kosong yang diperolehi dari kilang bagi menghasilkan produk karbon ?
4. Berapa lapiskah tandan buah kosong yang perlu disusun sebagai sungkupan dan kenapa?
5. Berikan contoh tiga faedah yang diterima oleh pekebun kecil apabila menjadi ahli kelompok baja terselia (KBT).

Jawapan di muka surat 17

KENALILAH... MPOB OPENS

Apa ia MPOB OPENS

MPOB OPENS adalah singkatan kepada *MPOB Oil Palm Efficient Nutrient System*. Ia adalah sistem cadangan pembajaan untuk menentukan keperluan sebenar baja tahunan untuk pokok sawit matang berumur 5 hingga 20 tahun. Sistem ini dibina berdasarkan penemuan kajian tindak balas baja terhadap hasil sawit.

Mengapa Guna MPOB OPENS

- Pokok sawit memerlukan jumlah baja yang berbeza setiap tahun bergantung pada penghasilan buah, tahap nutrien daun, persekitaran (tanah dan cuaca) dan tahap pengurusan ladang. Ini kerana pokok sawit ditanam di pelbagai persekitaran dan diurus mengikut tahap kecekapan yang berbeza. Oleh itu, pokok sawit mengeluarkan hasil yang berbeza untuk setiap tahun dan tempat. Sistem MPOB OPENS boleh mencadangkan keperluan sebenar baja untuk setiap tahun berdasarkan kandungan nutrien di dalam daun dan faktor persekitaran yang berkaitan.
- Kos baja adalah kos tertinggi dalam pengeluaran buah tandan segar (BTS). Oleh itu, penggunaan baja harus pada tahap optimum kerana pembajaan yang berlebihan menyebabkan pembaziran, sebaliknya pembajaan yang tidak mencukupi akan mengurangkan hasil. Dengan ini, kadar yang ditentukan oleh MPOB OPENS akan memastikan kadar penggunaan baja yang optimum untuk mendapatkan hasil yang maksimum.
- Sistem MPOB OPENS boleh menganalisis kos dan keuntungan penggunaan baja dengan mengambil kira jangkaan harga semasa baja dan harga BTS. Dengan perkataan lain seseorang boleh memilih untuk memaksimumkan pengeluaran BTS atau mengoptimalkan keuntungan dengan mengambil kira kos baja dan harga BTS.

Bagaimana Hendak Guna MPOB OPENS

Sistem OPENS memerlukan input data analisis daun, analisis kima, fizik tanah dan data hujan tahunan. Maklumat lain seperti rekod pembajaan,

rekod pengeluaran BTS tahunan, amalan pengurusan ladang dan keadaan ladang sebenar akan membantu ahli agronomi menggunakan OPENS dengan lebih baik. Bagi mendapatkan data yang diperlukan, langkah berikut perlu dibuat:

- pensampelan daun pelepah 17 (analisis tisu daun);
- pensampelan tanah (analisis tanah untuk tahun permulaan dan setiap lima tahun);
- rekod hujan, pembajaan, hasil dan amalan pengurusan ladang;
- lawatan untuk memastikan keadaan sebenar ladang dan korelasi data analisis daun dengan tanda-tanda kekurangan nutrien; dan
- memastikan data yang digunakan adalah di dalam had yang betul, dan menyesuaikan kadar pembajaan yang disyorkan oleh sistem berdasarkan maklumat berkaitan pengurusan dan prestasi ladang yang sebenar.

Siapa Perlu Guna MPOB OPENS

MPOB OPENS disyorkan kepada ladang sawit yang luas seperti perladangan/berkelompok. Ini kerana faktor kos dan keuntungan penggunaannya bagi kawasan yang besar akan memberikan penjimatan yang nyata dan boleh menampung kos pensampelan, analisis daun/tanah dan kos keseluruhan pelaksanaan OPENS. Sebagai panduan, kadar bayaran cadangan baja menggunakan MPOB OPENS atau sistem lain di pasaran adalah antara RM 6 hingga RM 8/ha atau minimum RM 1000 untuk satu kawasan.



Sumbangan:

Idris bin Omar (idriso@mpob.gov.my),
Ahmad Tarmizi bin Mohammad
(tarmizi@mpob.gov.my) dan Ahmad Afandi bin Murdi
(aafandim@mpob.gov.my)

SEDUTAN AKHBAR

Tajuk : EMPA NAFI BUNUH ORANG UTAN BUKA LADANG SAWIT

Akhbar : Berita Harian, 1 Mei 2007

Persatuan Penanam-Penanam Malaysia Timur (EMPA) menyifatkan tuduhan pihak tertentu di Barat kononnya Malaysia membunuh beribu-ribu orang utan untuk membuka kawasan tanaman sawit adalah tidak berasas dan hanya bersifat propaganda.

Aktiviti perladangan sawit di negara ini dibuat secara mapan tanpa menjejaskan alam sekitar dan hidupan liar di kawasan yang dibangunkan.

Pengerusi EMPA, Salim Mohamad berkata pihak yang membuat kenyataan itu mungkin didalangi syarikat dari Eropah dan Amerika Syarikat yang mahu menjatuhkan industri perladangan sawit di negara ini.

Tajuk : KERJASAMA TANGANI KEMPEN ANTIMINYAK SAWIT

Akhbar : Berita Harian, 26 Mei 2007

Malaysia dan Indonesia bersetuju mewujudkan pelan tindakan bagi menangani kebimbangan dan salah faham berhubung isu kempen antiminyak sawit yang dijalankan oleh badan bukan kerajaan (NGO) di Eropah dan Amerika Syarikat.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui berkata, "memandangkan Malaysia dan Indonesia adalah negara pengeluar utama produk komoditi terutama minyak sawit, adalah penting salah faham dan tuduhan diperjelaskan, sekali gus membersihkan imej kedua-dua negara".

Menurut laporan akhbar sebelum ini, minyak sawit dilabelkan oleh beberapa NGO di negara Barat sebagai pemusnah hidupan orang utan menerusi kempen antiminyak sawit yang dilancarkan secara besar-besaran.

Berikutan itu, Chin berkata, "jawatankuasa dianggotai kedua-dua negara bersetuju menubuhkan kumpulan teknikal untuk mengkaji dan melaksanakan langkah berkaitan, termasuk mengadakan kempen pro- industri di Eropah, iaitu negara pengguna kedua terbesar minyak sawit dan sumber terbesar permintaan biofuel berasaskan sawit".

Tajuk : MPOB LANCAR 34 TEKNOLOGI MAJUKAN INDUSTRI SAWIT

Akhbar : Berita Harian, 19 Jun 2007

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) semalam melancarkan 34 teknologi dan 23 perkhidmatan berkaitan sawit baru yang sedia untuk diguna pakai serta dikomersialkan.

Pengerusi MPOB, Dato' Sabri Ahmad berkata, "dengan pelancaran terbaru itu, MPOB setakat ini sudah melancarkan 378 teknologi berkaitan sawit hasil kegiatan penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang dilaksanakan".

Beliau menegaskan, "teknologi dan perkhidmatan baru yang dilancarkan oleh MPOB merangkumi teknologi berkaitan teknik bioteknologi, amalan agronomi, integrasi minyak sawit dengan tanaman lain dan ternakan, aplikasi makanan dan bukan makanan serta teknologi oleokimia, biojisim dan biodiesel".

Tajuk : LADANG SAWIT PERLU GUNA PENDEKATAN BERSEPADU

Akhbar : Utusan Malaysia 7 Ogos 2007

Semua pengusaha ladang sawit perlu menggunakan pendekatan bersepadu melibatkan amalan perladangan produktif dan kaedah biologi bagi menyelenggara ladang dengan lebih berkesan.

Pengerusi Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Dato' Sabri Ahmad berkata, "pendekatan itu perlu digunakan kerana industri sawit negara berdepan pelbagai tohmahan negatif yang dikaitkan isu alam sekitar".

Katanya, "antara kaedah biologi yang sudah terbukti berkesan ialah penggunaan burung hantu atau *barn owl* untuk mengawal pembiakan tikus yang merosakkan buah sawit".

Pada masa sama, MPOB turut menghasilkan teknik kawalan biologi bagi mengawal serangga perosak dan kawalan rumpai di ladang sawit bagi mengurangkan penggunaan racun kimia.

Sumbangan: Noor Asmatwati bt Abd Samad.



Kek Lapis Roselle

Bahan-bahan

- 125 g lemak atau marjerin
berasaskan minyak sawit
- 125 g mentega
- 200 g gula halus
- 280 g tepung gandum
- 3 biji telur
- 2 camca teh serbuk penaik
- Pewarna hijau dan merah
- Roselle fruit filling atau jem strawberi



Cara membuatnya

1. Pukul lemak, mentega dan gula hingga kembang.
2. Masukkan telur satu demi satu sambil dikacau.
3. Campurkan tepung yang telah diayak dengan serbuk penaik.
4. Bahagi adunan kepada tiga bahagian. Satu bahagian dibiarkan warna asal, satu bahagian diwarnakan hijau dan satu bahagian lagi diwarnakan merah.
5. Ratakan ke dalam acuan tin pembakar empat segi berukuran 25 x 25 x 2.5 cm yang telah dialas dengan kertas minyak.
6. Bakar pada suhu 180°C hingga masak.
7. Setelah sejuk, sapukan Roselle fruit filing atau jem di atas lapisan kuning. Tindihkan lapisan merah di atasnya. Sapu fruit filling atau jem. Tindihkan lapisan hijau.



Sumbangan: Nor Aini bt Idris

SEMBANG SAWIT



TAHUKAH ANDA?

BAHAN API BRIKET BERASASKAN BIOJISIM SAWIT

Proses pengilangan buah tandan segar (BTS) untuk mendapatkan minyak sawit mentah menghasilkan banyak sisa buangan. Di antaranya ialah sabut atau gentian mesokarpa, tempurung dan tandan buah kosong (TBK). Biojisim sawit tersebut biasanya digunakan sebagai bahan api. Gentian mesokarpa dan tempurung misalnya, digunakan secara meluas sebagai bahan api untuk dandang stim dan penjana elektrik untuk kegunaan operasi kilang sawit. Bagaimanapun, penggunaan TBK sebagai bahan api adalah terhad disebabkan sifat fizikalnya seperti kandungan kelembapan yang tinggi dan masalah penyimpanan. Oleh demikian, TBK perlu dirawat terlebih dahulu bagi memperbaiki ciri-ciri fizikalnya supaya sesuai untuk digunakan sebagai bahan bakar secara meluas. Di antara kaedah yang sesuai adalah melalui melalui proses pembriketan (*briquetting*).

Pembriketan adalah proses meningkat atau menambah baik sifat fizikal bahan biojisim seperti habuk kayu dari industri perkayuan, balak dan juga biojisim sawit. Campuran bahan biojisim tersebut dimampatkan bagi menghasilkan bahan api pepejal yang seragam serta mempunyai sifat fizikal yang lebih baik dari bahan asalnya. Ini boleh dilakukan dengan pelbagai teknik sama ada dengan campuran perekat atau tanpa perekat menggunakan tekanan dan suhu yang tinggi. Hasilnya ialah bahan api briket (*briquette*). Biasanya bahan api briket berbentuk silinder dengan ukuran lilit di antara 4 hingga 6 cm (*Rajah 1*). Briket yang dihasilkan boleh dijual untuk digunakan terus atau pun melalui proses pengarangan (*carbonization*) terlebih dahulu untuk penghasilan arang briket.

Bahan api briket mempunyai kelebihan seperti berikut:

- ciri-ciri fizikal, kimia, kekuatan mekanikal dan pembakaran yang lebih baik dari bahan mentah;

- bentuk yang seragam, ketumpatan dan tenaga yang tinggi;
- memudahkan penyimpanan, pengurusan dan pengangkutan bahan api; dan
- mudah digunakan, tanpa campuran bahan kimia dan kecekapan pembakaran yang tinggi.

Di negara maju seperti Amerika Syarikat, Kesatuan Eropah, Jepun dan Taiwan, bahan api briket digunakan untuk tujuan memasak, pemanasan, memanggang BBQ dan perkhemahan. Ia juga biasa digunakan di negara membangun dan Dunia Ketiga sebagai bahan api dapur. Pada peringkat aplikasi yang lebih besar, bahan api ini digunakan untuk penghasilan stim bagi penjana tenaga haba dan elektrik untuk kegunaan industri berasaskan dwi-tenaga dan pemanasan setempat.

MPOB telah menjalankan kajian menggunakan biojisim sawit TBK sebagai bahan mentah untuk mengeluarkan bahan api briket secara komersial. Dalam percubaan ini (*Rajah 2*), bahan api briket boleh dihasilkan sama ada 100% dari gentian atau serbuk TBK atau dicampurkan dengan bahan mentah komersial serbuk kayu dengan nisbah campuran tertentu.

Sesuai dengan usaha kerajaan mempromosikan program tenaga boleh diperbaharui dan peningkatan kesedaran mengenai penggunaan bahan api fosil terhadap alam sekitar, maka bahan



Rajah 1. Bahan api briket berasaskan biojisim sawit.

Berita Bergambar



Datuk Peter Chin Fah Kui, Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi merasmikan Seminar Pekebun Kecil dan Pelancaran Kelompok Baja Terselia (KBT) Beaufort dan Merotai di Kinabatangan pada 10 Mei 2007.

Dato' Seri Abdullah Hj Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia, merasmikan Pameran dan Persidangan Komoditi Antarabangsa Malaysia (MICCOS) 2007 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) pada 3 Julai 2007.



Datuk Peter Chin Fah Kui, Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyampaikan Kupon Skim Bantuan Anak Benih Berkualiti kepada pekebun kecil sempena Seminar Pemantapan Industri Sawit di Sibul, Sarawak.

Sebahagian ahli Kelompok Baja Terselia Air Kuning, Negeri Sembilan sedang menjalani praktikal di Kilang Sawit Nam Bee, Air Kuning pada 18 Julai 2007 sempena Kursus Kemahiran Menggred Buah Sawit.



Pegawai TUNAS memberi penerangan mengenai pemilihan anak benih bermutu semasa Program Sehari Bersama Ahli Kelab 30 Tan pada 5 Jun 2007 di Kluang, Johor.




Sesi pertunjukan kaedah teknik pembajaan di Kampung Selamat, Semanggol, Perak pada 30 Julai 2007.

Pertunjukan kaedah di kebun Encik Lingga di Kg Taliduson sempena Program Sehari Bersama Ahli Kelab 30 Tan kawasan Kudat, Sabah pada 23 Mei 2007.



Senator Dato' Dr S Vijayarajnam, Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi diiringi Dato' Dr Mohd Basri Wahid, Ketua Pengarah MPOB bersalaman dengan penduduk Rumah Panjang Johnson sempena Minggu Sawit Sarawak 2007 pada 7 Ogos 2007.


sambungan dari muka surat 11



Rajah 2. Carta aliran penghasilan bahan api briket berasaskan sawit.

api berasaskan biojisim sawit seperti TBK berpotensi sebagai bahan api alternatif. Bahan api ini mempunyai pasaran yang baik untuk tujuan eksport dan memberi pendapatan sampingan

kepada pengilang sawit. Pengkomersialan dan kos pengeluaran produk ini berdaya saing sekiranya dihasilkan sendiri di kilang sawit secara integrasi (Rajah 3).



Rajah 3. Cadangan integrasi loji pemprosesan briket di kilang sawit.



Sumbangan: Nasrin bin Abu Bakar
(nasrin@mpob.gov.my)

DIARI & PERISTIWA

a. Sepanjang Mei-Ogos 2007

- **Seminar Pembangunan Pekebun Kecil dan Penyerahan Kupon Bantuan Anak Benih Sawit Berkualiti.** Seramai 45 pekebun kecil sawit menerima bantuan anak benih sawit berkualiti di bawah Skim Bantuan Anak Benih Sawit Berkualiti kepada Pekebun Kecil sempena Seminar Pembangunan Pekebun Kecil dan Penyerahan Kupon Bantuan Anak Benih Sawit Berkualiti di Dewan Kompleks Sukan Lawas, Sarawak pada 26 Mei 2007. Kupon bantuan anak benih disampaikan oleh Senator Dato' Dr S Vijayarajam, Setiausaha Parlimen, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi. Sementara itu, sejumlah 250 pekebun kecil dan masyarakat sekitar Lawas telah mengikuti Seminar Pembangunan Pekebun Kecil yang bertujuan memberi pendedahan dan pengetahuan mengenai sawit dan amalan agronomi.

- **Program Sehari Bersama Ahli Kelab 30 Tan.** Program ini dianjurkan oleh TUNAS seluruh wilayah bagi mendedahkan pekebun kecil kepada teknologi MPOB terkini untuk meningkat hasil dan pendapatan melalui ceramah, pertunjukan kaedah, lawatan khidmat nasihat dan plot demonstrasi.

Program telah diadakan pada tarikh dan tempat seperti berikut:

- 24 Mei 2007, Dewan Sekolah Menengah Advent, Kota Merudu Sabah dihadiri oleh 172 peserta.
 - 5 Jun 2007, Stesen Penyelidikan MARDI Kluang, Johor dihadiri oleh 83 peserta.
 - 17 Julai 2007, Hotel Victoria Inn, Saratok, Sarawak dihadiri oleh 130 peserta.
 - 24 Julai 2007, Dewan Sekolah Menengah Kebangsaan Pontian Jaya, Kuala Rompin, Pahang dihadiri oleh 89 peserta.
 - 30 Julai 2007, Dewan Majlis Perbandaran Taiping, Perak dihadiri oleh 98 peserta.
 - 31 Julai 2007, Dewan Orang Ramai Bukit Changgang, Dengkil, Selangor dihadiri oleh 89 peserta.
 - 22 Ogos 2007, Dewan Persidangan Menara Pehin, Setiaraja Mukah, Sarawak dihadiri oleh 150 peserta.
 - 23 Ogos 2007, Dewan Orang Ramai Yong Peng, Johor dihadiri oleh 122 peserta.
- **Bulan Demonstrasi Teknologi.** Bulan Demonstrasi Teknologi yang diadakan selama sebulan bermula 9 Julai hingga 3 Ogos 2007 di Ibu Pejabat MPOB. Ini merupakan acara tahunan bagi mempromosi dan memperkenalkan teknologi baru MPOB untuk dikomersialkan oleh usahawan tempatan yang berminat. Sempena Bulan Demonstrasi Teknologi, sebanyak empat seminar mini telah diadakan secara mingguan. Seminar tersebut adalah seperti berikut:
 1. 12 Julai – Penyelidikan Makanan dan Pembangunan Produk
 2. 19 Julai – Penyelidikan Teknologi Oleokimia
 3. 26 Julai – Penyelidikan Kejuruteraan dan Pemprosesan
 4. 2 Ogos – Penyelidikan Biologi
 - **Kelompok Baja Terselia (KBT).** Kelompok Baja Terselia telah diadakan pada 18 Julai 2007 di Dewan Serbaguna Kampung Baru Air Kuning, Negeri Sembilan. Seramai 44 ahli KBT Air Kuning telah didedahkan dengan pengurusan ladang yang baik dan kemahiran menggred buah sawit.
 - **Minggu Sawit Sarawak.** Majlis telah dirasmikan oleh Datuk Peter Chin Fah Kui, Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, di Hotel Imperial, Miri pada 6 Ogos 2007. Di antara program yang dianjurkan sempena Minggu Sawit Sarawak ini ialah Seminar 5 Bandar, Ceramah Pengembangan Pekebun Kecil dan Ahli Kelab 30 Tan, Ceramah Kepentingan Sawit dalam Pemakanan dan Kesihatan, Program Pengagihan *Bunting* 1 t/ha/thn, Kursus Menggred Buah Sawit, Taklimat Peluang Kerjaya dalam Industri Sawit, Majlis Makan Malam dan Penyampaian Anugerah Penyumbang Peningkatan Produktiviti Sawit Sarawak serta Pameran Industri Sawit Sarawak.

PROFIL KOMODITI

PROFIL KOMODITI SAWIT (Januari-Ogos 2007)

Prestasi industri sawit Malaysia dari segi harga sangat memberangsangkan bagi tempoh Januari-Ogos 2007 berbanding tempoh yang sama tahun lalu. Permintaan yang tinggi bagi minyak sawit dan kekurangan bekalan minyak saingan utamanya, minyak soya di pasaran dunia merupakan faktor utama kenaikan harga yang tinggi bagi keluaran minyak sawit. Berikutan dengan ini, harga buah sawit mengalami peningkatan dan pendapatan yang tinggi bagi pekebun kecil sawit pada tempoh tersebut.

Pengeluaran minyak sawit mentah bagi lapan bulan pertama tahun ini merosot 7.5% kepada 9.40 juta tan berbanding 10.17 juta tan tempoh yang sama tahun 2006. Kemerosotan ini mempengaruhi pengeluaran buah tandan segar sehektar yang rendah dengan purata 1.3 t/ha pada tahun ini, iaitu merosot 9.9% dari paras 1.5 t/ha sebulan tahun lalu. Ini berikutan kurangnya penerimaan hujan terutama di kawasan pengeluaran yang utama.

Jumlah stok minyak sawit pada akhir Ogos 2007 berada pada paras 1.35 juta tan iaitu susut 19.6% berbanding pada akhir Ogos 2006.

Berikutan dengan harga yang tinggi bagi minyak sawit, jumlah eksport minyak sawit Malaysia merosot bagi tempoh lapan bulan pertama tahun ini. Eksport kesemua produk sawit susut 5.5% kepada 12.09 juta tan berbanding 12.79 juta tan bagi tempoh yang sama tahun lalu.

Dengan kenaikan harga yang tinggi, pendapatan dari nilai eksport juga meningkat kepada RM 25.81 bilion berbanding RM 19.17 bilion bagi tempoh yang sama tahun lalu.

Negara utama lain yang membeli minyak sawit dalam tempoh ini ialah Jepun (254 885 t, +1.0%), India (215 433 t, 10.7%), Singapura (191 165 t, -5.8%), Emiriah Arab Bersatu (158 888 t, 11.8%)

dan Afrika Selatan (117 335 t, - 9.6 %).

Harga minyak sawit lebih tinggi bagi tempoh Januari – Ogos 2007 berbanding tempoh yang sama tahun lalu berikutan sokongan dari permintaan eksport berterusan dan kekurangan bekalan minyak saingan utamanya, minyak soya di pasaran dunia berikutan tindakan petani tanaman itu di Amerika Syarikat menukar kepada tanaman jagung untuk dibekalkan kepada pengeluar biofuel.

Purata harga minyak sawit mentah bagi lapan bulan pertama berada pada paras RM 2302.50 setan iaitu meningkat RM 850 atau 58.5% berbanding tempoh yang sama tahun lalu. Purata harga bulanan tertinggi dicatatkan pada bulan Julai dengan purata RM 2629 setan dan purata terendah dicatatkan dalam bulan Februari pada paras RM 1927 setan.

Manakala purata harga buah sawit di pintu kilang di Semenanjung Malaysia berada pada paras RM 472.50 setan berbanding RM 280 setan tempoh yang sama tahun lalu, iaitu meningkat sebanyak RM 192 setan. Di Sabah, harga buah sawit meningkat kepada RM 464 setan dari RM 259 setan, manakala di Sarawak harganya meningkat ke paras RM 462 setan berbanding RM 269 setan bagi tempoh yang sama tahun lalu.

Bagi suku akhir tahun 2007 ini, prestasi minyak sawit dijangka akan terus stabil. Pengeluaran dijangka merosot sedikit bagi penghujung tahun ini seperti yang berlaku pada tahun sebelumnya kerana mengikut arah aliran menurun. Bagaimanapun dengan paras stok dan pengeluaran yang sedia ada, jumlah eksport juga diramal akan terus stabil berikutan harga minyak sawit yang lebih berdaya saing berbanding dengan minyak sayuran utama dunia yang lain.

sambungan dari muka surat 16

JADUAL 1. PRESTASI INDUSTRI SAWIT MALAYSIA

Butiran	2006	2007*	Beza
Stok awal (juta tan)	1.60	1.50	- 0.10
Pengeluaran (juta tan)	10.17	9.40	- 0.77
Eksport minyak sawit (juta tan)	9.15	8.36	- 0.79
Eksport produk sawit (juta tan)	12.79	12.09	- 0.70
Nilai eksport minyak sawit (RM bilion)	13.85	17.39	+ 3.54
Nilai eksport produk sawit (RM bilion)	19.71	25.81	+ 3.90
Stok akhir (juta tan)	1.68	1.35	- 0.33
Harga MSM (RM/t)	1 452.50	2 302.50	+ 850.00
Harga isirung sawit (RM/t)	900.00	1 300.00	+ 400.00
Harga BTS – Semenanjung (RM/t)	280.00	472.50	+ 192.50
Harga BTS – Sabah (RM/t)	259.00	464.00	+ 205.00
Harga BTS – Sarawak (RM/t)	269.00	462.00	+ 193.00
Hasil BTS (t/ha)	11.69	11.06	- 0.63
Kadar perahan minyak sawit mentah (%)	19.76	20.03	+ 0.27

Nota: * Anggaran.

Lebih dari 100 buah negara telah mengimport minyak sawit dari Malaysia dalam tempoh ini. Pengimport utama bagi tempoh Januari – Jun 2007 ialah China, PR (1 625 392 t, +14.2%), Kesatuan Eropah (1 067 832 t, -12.0%), Pakistan (457 950 t, +22.9%) dan Amerika Syarikat (301 040 t, +0.6%).



Sumbangan: Mohd Azmi bin Kulop Ismail
(azmi@mpob.gov.my)

JAWAPAN KUIZ SAWIT

- Menambah kandungan bahan organik tanah.
 - Membantu memulihara kelembapan tanah.
 - Memperbaiki struktur tanah.
 - Mengawal rumpai di ladang.
- Di kawasan sawit muda, tandan buah kosong disusun di atas tanah dalam kawasan bulatan merumpai dengan ketebalan selapis tandan buah kosong.
 - Di ladang sawit matang, tandan buah kosong disusun di sepanjang lorong tuai. Tandan buah kosong disusun dengan ketebalan selapis. Susunan tandan buah kosong yang tebal akan menggalakkan kumbang badak membiak
- Tandan buah kosong (TBK) yang telah dikeringkan di dalam ketuhar pada suhu 105° (selama satu hingga dua hari).
 - TBK yang telah mempunyai proses penekanan skru, pengoyakan, pemukulan, pembasuhan dan akhirnya pengeringan bagi mendapatkan gentian TBK yang bersih.
- Satu lapis sahaja bagi mengelakkan kumbang badak membiak
- Kemudahan kredit baja.
 - Kad ahli emas dan Anugerah Cemerlang Kelompok Baja Terselia.
 - Latihan penggedan percuma.



Sumbangan: Afendy bin Ismail

PELADANG JAYA

“Tekun Berusaha, Membawa Kejayaan”

- Lim Yu Sai



Encik Lim Yu Sai sentiasa memastikan kebunnya berada dalam keadaan bersih dan selamat bagi memudahkan kerja ladang dijalankan.

Pekan Paloh yang terletak 45 km di utara bandar Kluang, dikelilingi kawasan tanaman sawit termasuk kebun Encik Lim Yu Sai, 65 tahun, seorang pekebun kecil yang mula mengusahakan tanaman sawit seluas 4.04 ha pada tahun 1962.

Dengan kesungguhan dan minat dalam mengusahakan tanaman sawit, beliau kini telah berjaya mengusahakan 20.23 ha termasuk kebun isterinya dengan bantuan seorang anak lelakinya. Anak benih DxP tulen diperoleh daripada Syarikat Guthrie Layang-Layang, Kluang. Semasa pembukaan kawasan tersebut, beliau telah mengupah kontraktor terlatih untuk menjalankan kerja pembersihan kawasan, membina parit, jalan dan kerja membaris. Menanam dan membaja, diusahakan sendiri sehingga sawit muda mengeluarkan hasil.

Kini beliau telah memiliki traktor mini untuk kerja harian seperti membaja dan mengangkut buah tandan segar (BTS) dan input pertanian lain. Jadual pembajaan yang diatur dari peringkat

penanaman hingga ke peringkat matang, diperoleh dari maklumat dan cadangan oleh pihak pembekal baja dan juga MPOB. Beliau menggunakan *NPK Blue 12:12:17:2* sebanyak 10 kg/pk/thn untuk pokok berumur 9 tahun ke atas dan penambahan baja MOP sebanyak 1.2 kg/pk/thn jika terdapat kekurangan unsur baja tersebut. Semua kerja pembajaan dilaksanakannya dengan teliti dan teratur bagi memastikan baja yang diberinya cukup dan seimbang.

Bagi pengawalan racun rumpai, beliau menggunakan kaedah kawalan dalam bulatan dan antara lorong tuai sebanyak tiga kali setahun dengan menggunakan racun *glyphosate* dan *ally* (Metsulfuran Methyl-a.i). Kerja pemangkasan pelepah pula akan dilakukan serentak semasa kerja penuaian dijalankan. Pelepah tua dipotong rapat hingga ke batang sawit manakala dua pelepah akhir dan pelepah yang menyokong tandan buah dkekalkan. Semua pelepah yang

sambungan dari muka surat 18



Menyimpan rekod hasil dan segala perbelanjaan berkaitan pengurusan kebun menjadi kemestian kepada Encik Lim Yu Sai.

dipangkas disusun pada lorong pelepah dan dibiarkan reput.

Penuaian buah dilakukan dua kali sebulan iaitu 14 -15 hari sepusingan. Beliau sendiri memantau kerja semasa penuaian buah dijalankan bagi memastikan buah sawit yang masak sahaja dituai dengan membayar upah sebanyak RM 25 sehektar kepada pemotong buah. Tandan sawit yang telah siap dipotong diambil terus oleh peniaga BTS yang berhampiran bagi memastikan buah dapat dihantar dalam 24 jam bagi memastikan penghasilan buah yang berkualiti.

Hasil BTS kebun beliau kini mencapai 31.5/t/ha/thn. Beliau sentiasa memberi kerjasama kepada pihak TUNAS MPOB bagi memastikan setiap pekebun kecil berhampiran mendapat maklumat dan teknologi daripada MPOB. Beliau merupakan ahli Kelab 30 Tan yang menjadi penghubung di antara pekebun kecil di kawasannya dengan pegawai TUNAS dalam aktiviti pemindahan teknologi.

Encik Lim turut aktif dengan kegiatan sukarela. Beliau merupakan ahli Jawatankuasa Bekas Polis di Paloh dan pengerusi cawangan parti Gerakan Paloh. Beliau juga telah dianugerahkan pingat PIS daripada Sultan Johor sebagai pengiktirafan atas jasa dan perkhidmatannya.

Encik Lim adalah seorang yang amat pemurah dalam memberi pendapat dan pengalaman kepada sesiapa untuk memajukan diri dalam hidup terutama dalam bidang tanaman sawit. Pegangan beliau ialah 'tekun berusaha membawa kejayaan'. Beliau kini menetap di Pekan Paloh dengan isterinya Puan Chong Lian Ying dan empat orang anaknya yang telah berjaya dalam bidang masing-masing. Kejayaan Encik Lim pasti menjadi inspirasi bagi mendorong pekebun kecil lain meningkatkan produktiviti sawit mereka. Beliau boleh dihubungi melalui talian 07-7811080 atau 019-7551080.



Sumbangan: Mohd Nizam bin Abdul Rahman dan Mohd Ariff bin Mohd Yatim.

sambungan dari muka surat 15

b. Sepanjang September-Disember 2007.

- **Seminar Pembangunan Pekebun Kecil, Majlis Penyampaian Kupon Anak Benih Berkualiti dan Pelancaran Envo Diesel** oleh Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi pada 17-18 September 2007 di Tawau, Sabah. Seramai 500 pekebun kecil dan tetamu menghadiri majlis ini.
- **Perasmian Stesen Penyelidikan MPOB Keratong** pada 29 November 2007 oleh Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi di Stesen Penyelidikan MPOB Keratong, Km 137, Lebu Raya Segamat-Kuantan, Bandar Muadzam Shah, Pahang.
- **Seminar Pengurusan Ulat Bungkus Bersepadu 2007** akan dirasmikan oleh Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi pada 11 Disember 2007 di Hotel Orient Star, Lumut, Perak.



Sumbangan: Afendy bin Ismail (afendy@mpob.gov.my)

Direktori M P O B

IBU PEJABAT

Lembaga Minyak Sawit Malaysia
6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi
43000 Kajang, Selangor
Tel : 03-87694400
Faks : 03-89259446

Bahagian Penguatkuasaan dan Perlesenan
Wisma Sawit
Lot 6, SS6, Jalan Perbandaran
47301 Kelana Jaya
Selangor
Tel : 03-78035544
Faks : 03-78033533

STESEN PENYELIDIKAN

Stesen Penyelidikan MPOB Kluang
Kilometer 11
Jalan Johor Tenggara
Beg Berkunci 532
86009 Kluang, Johor
Tel : 07-7891133/1134
Faks : 07-7891030
E-mel : mpobklu@mpob.gov.my

Stesen Penyelidikan MPOB Keratong
Kilometer 137
Lebuhraya Segamat-Kuantan
Peti Surat No. 24
Pejabat Pos Bandar Tun Razak
26900 Bandar Muadzam Shah
Pahang
Tel : 09-4512000
Faks : 09-4512029/ 2130
E-mel : mpobktg@mpob.gov.my

Stesen Penyelidikan MPOB Teluk Intan
No. 6 & 7, Jalan Merpati, Taman Sabak
45200 Sabak Bernam, Selangor
Tel : 03-32161624
Faks : 03-32162909
E-mel : tkintan@mpob.gov.my

Stesen Penyelidikan MPOB Hulu Paka
Lot 2074, Bandar Ketengah Jaya
Beg Berkunci No. 4
23300 Bandar Ketengah Jaya
Terengganu
Tel : 09-8200142/0295
Faks : 09-8200158
E-mel : mpobhp@mpob.gov.my

Bahagian Kemajuan Teknologi Oleokimia (AOTD)
Lot 9 & 11, Jalan P/14, Fasa 5, Seksyen 10
43650 Bandar Baru Bangi
Selangor
Tel : 03-89255708/5748/5998/6661
Faks : 03-89256197

Pusat Mekanisasi Ladang dan Pusat Biomass
Minyak Sawit
Stesen Penyelidikan Usahasama MPOB/UKM
Jalan Sekolah, Pekan Bangi Lama,
43000 Kajang
Selangor
Tel : 03-89201504/1542
Faks : 03- 89201670

Stesen Penyelidikan Usahasama MPOB/UKM
Jalan Sekolah, Pekan Bangi Lama
43000 Kajang, Selangor
Tel : 03-89201504/1542/1855
Faks : 03-89201670
E-mel : mpobukm@mpob.gov.my

Stesen Penyelidikan MPOB Lahad Datu
Kilometer 10, Jalan Tengah Nipah
Beg Berkunci No.4
91109 Lahad Datu, Sabah
Tel : 089-882400
Faks : 089-882401
E-mel : mpobld@mpob.gov.my

Stesen Penyelidikan MPOB Sessang
Kompleks MPOB
Jalan Saratok/ Roban Lama
Peti Surat 69
95407 Saratok, Sarawak
Tel : 083-436252/438120
Faks : 083-436254
E-mel : sessang@tm.net.my

Stesen Penyelidikan MPOB Belaga
d/a Tingkat 1, Wisma Kontena
Batu 12, Jalan Kindurong
Peti Surat 3125
97013 Bintulu, Sarawak
Tel : 086-253072/019-2622592
Faks : 086-255840
E-mel : zaki@mpob.gov.my

PEJABAT MPOB

MPOB Wilayah Utara
Suite 11.02, Tkt. 11 Wisma Pantai
Jalan Kampung Gajah
12200 Butterworth, Pulau Pinang
Tel : 04-3230490/526
Faks : 04-3230527
E-mel : utara@mpob.gov.my

MPOB Cawangan Teluk Intan
No.56 & 58 G
Jalan Intan 6, Bandar Baru Teluk Intan
36000 Teluk Intan, Perak
Tel : 05-6227515
Faks : 05-6215884
E-mel : tintan@mpob.gov.my

MPOB Pejabat Pelabuhan Butterworth
Suite 11.4, Tkt 11. Wisma Pantai
Jalan Kampung Gajah
12200 Butterworth, Pulau Pinang
Tel : 04-3230526/490
Faks : 04-3315799
E-mel : buttwth@mpob.gov.my

MPOB Wilayah Tengah
Wisma Sawit,
Lot 6, SS6 Jalan Perbandaran
47301 Kelana Jaya, Selangor
Tel : 03-78035544
Faks : 03-78035051
E-mel : tengah@mpob.gov.my

MPOB Seremban
Lot No. 7, Jalan S2B1
Lake View Square
Seremban 2
70300 Seremban
Negeri Sembilan
Tel : 06-6011605
Faks : 06-6011307
E-mel : seremban@mpob.gov.my

MPOB Pejabat Pelabuhan Klang
No. 7/7A Jalan Melaka
Off Persiaran Raja Muda Musa
42000 Pelabuhan Klang
Selangor
Tel : 03-31674923
Faks : 03-31678073
E-mel : pkelang@mpob.gov.my

MPOB Wilayah Selatan
Bilik 3 Tkt. 22
Kompleks Tun Abdul Razak
Jalan Wong Ah Fook
80000 Johor Bahru, Johor
Tel : 07-2236571
Faks : 07-2243319
E-mel : selatan@mpob.gov.my

MPOB Cawangan Kluang
Kilometer 11, Jalan Johor Tenggara
Peti Surat 67
86009 Kluang, Johor
Tel : 07-7891133/1134
Faks : 07-7891030
E-mel : kluang@mpob.gov.my

MPOB Cawangan Tangkak
Tingkat 1, Lot 1331
Jalan Payamas
84900 Tangkak, Johor
Tel : 06-9788227/237
Faks : 06-978337

MPOB Pejabat Pelabuhan Pasir Gudang
No. 22-A1 PTD 112731
Jalan Bandar
81700 Pasir Gudang, Johor
Tel : 07-2516017
Faks : 07-2510588
E-mel : pgudang@mpob.gov.my

MPOB Wilayah Timur
Suite 6, 7 & 8 Tkt. 10
Kompleks Teruntum
Jalan Mahkota
25000 Kuantan, Pahang
Tel : 09-5138677
Faks : 09-5130045
E-mel : timur@mpob.gov.my

MPOB Cawangan Kuala Terengganu
Tkt. 4, Lot 3 & 4
Bangunan LUTH/Bank Pertanian
Jalan Sultan Ismail
20200 Kuala Terengganu
Terengganu
Tel : 09-6231077
Faks : 09-6234479
E-mel : ktrgnu@mpob.gov.my

MPOB Cawangan Kuala Krai
Lot PT 4676, Taman Teknik
Tingkat 1, Lebuhraya Kula Krai
Gua Musang, 18000 Kuala Krai
Kelantan
Tel : 09-9606090/015
Faks : 09-9606306

MPOB Cawangan Temerloh
Lot 2123, Tingkat 2
Bangunan Tabung Haji
28000 Temerloh, Pahang
Tel : 09-2960580
Faks : 09-2969470

MPOB Pejabat Pelabuhan Kuantan
Peti Surat Berkunci No. 14
Bahagian Perdagangan
Lembaga Pelabuhan Kuantan
26080 Kuantan, Pahang
Tel : 09-5833181
Faks : 09-5833775
E-mel : pkunatan@mpob.gov.my

MPOB Wilayah Sabah
Tkt. 7 Blok D
Bangunan KWSP
Beg Berkunci No. 158
88999 Kota Kinabalu
Sabah
Tel : 088-235281/233194
Faks : 088-239025
E-mel : sabah@mpob.gov.my

MPOB Pejabat Pelabuhan Sandakan
Tkt. 4 Bangunan SKT
2.7km Jalan Laila
90000 Sandakan, Sabah
Tel : 089-614248
Faks : 089-615245
E-mel : sandakan@mpob.gov.my

MPOB Wilayah Sarawak
Tkt. 4, Crown Towers
88 Jalan Pending
93450 Kuching, Sarawak
Tel : 082-342871/484051
Faks : 082-342876
E-mel : sarawak@mpob.gov.my

MPOB Cawangan Miri
Lot 1262, Tingkat 1
Jalan Melayu
Miri Centre Point
98000 Miri, Sarawak
Tel : 085-427166
Faks : 085-437166

MPOB Cawangan Bintulu
Tkt.1, Wisma Kontena
Kamena Land District
Batu 12, Jalan Tanjung Kidurung
97000 Bintulu, Sarawak
Tel : 086-253072
Faks : 086-255840

PEJABAT PENYELARAS TUNAS

Mohamad Arfan Johari
Penyelaras TUNAS Wilayah Sarawak
Stesen Penyelidikan MPOB Sessang
Kompleks MPOB, Jalan Saratok/
Roban Lama, Peti Surat 69
95407 Saratok, Sarawak
arfan@mpob.gov.my
Tel : 083-436252
H/P : 013-8333221
Faks : 083-255840
E-mel : arfan@mpob.gov.my

Amran Arifin
Penyelaras TUNAS Wilayah Sabah
Stesen Penyelidikan Lahad Datu
Kilometer 10, Jalan Tengah Nipah,
Beg Berkunci No. 4,
91109 Lahad Datu, Sabah
Tel : 089-614248
H/P : 013-5550908
Faks : 089-615245
E-mel : amranarifin@mpob.gov.my

Maizan Ismail
Penyelaras TUNAS Wilayah Tengah
6, Persiaran Institusi,
Bandar Baru Bangi,
43000 Kajang, Selangor
Tel : 03-87694936
H/P : 012-9077014
Faks : 03-89258215
E-mel : maizan@mpob.gov.my

Shafirul Abd Wahab
Penyelaras TUNAS Wilayah Utara
MPOB Cawangan Teluk Intan
No. 56 & 58, Jalan Intan 6,
Bandar Baru Teluk Intan,
36000 Teluk Intan, Perak
Tel : 05-6227515
H/P : 017 - 3589038
Faks : 05-6215884
E-mel : shafirul@mpob.gov.my

Nursuhana Dahari
Penyelaras TUNAS Wilayah Timur
Pejabat MPOB Temerloh
Bangunan Tabung Haji,
Lot 2123, Jalan Ibrahim,
28000 Temerloh, Pahang
Tel : 09-2960580/582/584
H/P : 019-9885137
Faks : 09-2969470
E-mel : nursuhana@mpob.gov.my

Razman Roslan
Pen. Penyelaras TUNAS Wilayah Johor Utara
Pejabat MPOB Tangkak
Tingkat 1, Lot 1331,
Jalan Payamas, 84900 Tangkak,
Johor
Tel : 06-9788335
H/P : 012-5267871
Faks : 06-9788337
E-mel : razman@mpob.gov.my

Nor Khairulnizam Che Shohaimi
Pen. Penyelaras TUNAS Wilayah Johor Selatan
Stesen Penyelidikan MPOB Kluang
Kilometer 11, Jalan Johor Tenggara,
Beg Berkunci 532, 86009 Kluang,
Johor
Tel : 07-7891133/07-7891134
H/P : 012-2825115
Faks : 07-7891030
E-mel : khairulnizam@mpob.gov.my

KURSUS OPERATOR MEKANISASI LADANG

Untuk Individu
yang ingin meningkatkan
kemahiran diri

TOPIK

- CFM101: Pengenalan kepada Industri Sawit & Mekanisasi Ladang**
- CFM102 : Keselamatan & Kesihatan Pekerja**
- CFM103 : Teknologi Enjin**
- CFM104 : Asas & Fungsi Traktor**
- CFM105A : Asas Pemanduan Traktor**
- CFM105B : Pemanduan Traktor**
- CFM106 : Mekanisasi Tapak Semaian**
- CFM107 : Teknologi Penyediaan & Penanaman Sawit**
- CFM108 : Penjagaan Peralatan & Kawalan Perosak Tanaman Sawit**
- CFM109 : Penuaian Sawit**

**SETIAP FEBRUARI
& OGOS**



Untuk Maklumat lanjut, sila hubungi
Ketua Pengarah MPOB
No. 6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi
43000 Kajang, Selangor
(u/p: Unit Pembangunan Insan & Pengurusan Persidangan)
Laman Web: <http://mpob.gov.my>